



AKTIVISME POLITIK BERINTENSITI TINGGI: KAJIAN KES PAS TERENGGANU PADA PRU15

(High Intensity Political Activism: The Case Study of PAS in Terengganu in the 15th General Election)

Faris Akmal Abd Rahman¹, Wan Rohila Ganti Wan Abdul Ghapar^{1*}, Che Hamdan Che Mohd. Razali²

¹Faculty of Law and International Relations, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Malaysia

²Faculty of Administrative Science and Policy Studies, Universiti Teknologi MARA, 26400 Bandar Tun Razak, Malaysia

*Corresponding Author Email: rohilaganti@unisza.edu.my

Received: 13 Jun 2024 • Accepted: 20 October 2024 • Published: 31 October 2024

Abstract

Political party programs are vital for shaping a party's identity and achieving electoral success. This study explores the most impactful programs led by the Pan-Malaysian Islamic Party (PAS), which contributed to its victories in the 2018 and 2022 General Elections in Terengganu. The research aims to identify the forms and formats of PAS programs that resonate most with voters, focusing on the role of committed activists in these initiatives. Using a qualitative approach, in-depth face-to-face interviews were conducted with sixteen PAS activists, selected through purposive sampling. Data were analyzed thematically through content analysis to extract key themes related to the programs' impact. The study found that PAS's continuous welfare and social service programs, along with well-organized election campaign activities, had the most significant influence on voter engagement and electoral success. These programs strengthened the party's community presence and improved its electoral machinery. The study recommends that political parties increase their focus on welfare and social service programs to enhance their connection with voters. Additionally, strengthening campaign strategies is crucial for maintaining electoral competitiveness. Parties that fail to position themselves effectively through community engagement and robust campaign efforts risk poor electoral outcomes. This research contributes to a deeper understanding of the types of political programs that drive electoral success, particularly in the context of PAS in Terengganu, offering valuable insights for political parties aiming to strengthen their grassroots influence.

Keywords: Party Activists; PAS, Terengganu Politics, Party Programs, General Election 2022

Abstrak

Program parti politik sangat penting dalam membentuk identiti parti dan mencapai kejayaan pilihan raya. Kajian ini meneroka program-program yang paling berimpak yang diketuai oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS), yang menyumbang kepada kejayaan dalam Pilihan Raya Umum 2018 dan 2022 di Terengganu. Penyelidikan ini bertujuan mengenal pasti bentuk dan format program PAS yang paling memberi kesan kepada pengundi, dengan menekankan peranan aktivis parti yang komited dalam pelaksanaannya. Menggunakan pendekatan kualitatif, temu bual bersemuka yang mendalam dijalankan dengan enam belas aktivis PAS, yang dipilih melalui kaedah pensampelan bertujuan. Data dianalisis secara tematik menggunakan teknik analisis kandungan untuk mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan impak program tersebut. Kajian ini mendapati bahawa program kebajikan dan perkhidmatan sosial PAS yang berterusan, bersama aktiviti kempen pilihan raya yang tersusun, memberikan pengaruh paling besar terhadap penglibatan pengundi dan kejayaan pilihan raya. Program ini mengukuhkan kehadiran parti dalam komuniti dan memperbaiki jentera pilihan raya mereka. Kajian ini mencadangkan agar parti politik meningkatkan tumpuan kepada program kebajikan dan perkhidmatan sosial untuk mengukuhkan hubungan dengan pengundi. Di samping itu, memperkukuh strategi kempen adalah penting untuk mengekalkan daya saing pilihan raya. Parti yang gagal meletakkan diri mereka secara efektif melalui penglibatan komuniti dan usaha kempen yang kukuh berisiko mengalami keputusan pilihan raya yang lemah. Penyelidikan ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang jenis program politik yang mendorong kejayaan pilihan raya, khususnya dalam konteks PAS di Terengganu, serta menawarkan pandangan berharga untuk parti politik yang ingin memperkukuh pengaruh akar umbi mereka.

Kata kunci: Aktivis Parti; PAS; Politik Terengganu; Program Parti; Pilihan Raya Umum 2022

Cite as: Abd Rahman, F.A., Wan Abdul Ghapar, W.R.G., Che Mohd. Razali, C.M. (2024). High intensity political activism: The case study of PAS in Terengganu in the 15th General Election. *Asian People Journal*, 7(2), 186-198.

PENDAHULUAN

Program parti merupakan nadi kepada parti politik. Parti politik yang sentiasa aktif mengadakan program parti lebih terkenal berbanding dengan parti politik yang lesu daripada penganjuran program parti. Sedar akan hakikat ini, tidak hairanlah, parti-parti politik sentiasa memperuntukkan sejumlah bajet yang besar untuk menganjurkan program parti kerana sedar akan impaknya dalam meraih sokongan pengundi. Ini juga memberi gambaran keazaman, kesungguhan, kekuatan dan legitimasi parti untuk dilihat relevan dan dikenali (Cross, 2016). Marsh (1990) walau bagaimanapun bertegas bahawa bukan semua program parti mempunyai impak. Beliau telah menklasifikasikan program parti kepada tiga komponen utama. Komponen pertama adalah program parti bersifat konvensional seperti mengadakan pertemuan pengundi dengan pimpinan parti, menyediakan platform pengundi membuat aduan, menghadiri perjumpaan parti dan mesyuarat serta keterlibatan dalam perhimpunan politik. Komponen kedua adalah protes aman dan tunjuk perasaan dengan permit, menandatangani petisyen, dan menyatakan bantahan. Komponen terakhir termasuklah protes tanpa permit, demonstrasi haram, menawan bangunan kerajaan dan orang awam, menghalang laluan, mogok lapar dan cubaan merampas kuasa. Sedikit

berbeza dengan Marsh (1990), Whiteley dan Seyd (2002) menyenaraikan program parti berintensiti tinggi sebagai paling berimpak. Program parti berintensiti tinggi termasuklah membantu ahli parti dan masyarakat dalam pelbagai bentuk bantuan seperti menjadi yang pertama tiba di lokasi apabila ahli parti dan masyarakat berhadapan dengan masalah. Program yang kedua melibatkan kerja kempen sebelum, semasa dan selepas pilihanraya termasuklah ceramah, lawatan pintu ke pintu, temu mata dan mengemaskini maklumat parti di media sosial. Seterusnya, membawa nama baik parti melalui jawatan yang dipegang oleh aktivis parti sama ada di dalam parti, pertubuhan bukan kerajaan, kelab belia, rukun tetangga dan institusi agama seperti masjid dan wakaf.

Program parti digerakkan oleh aktivis parti yang disifatkan oleh Blake et al. (1991) sebagai ahli parti paling komited, setia, dan taat. Spier (2013) pula merumuskan aktivis parti sebagai orang yang mampu memahami konteks lokal dengan baik. Low (2014) dan Fisher et al. (2017) berhujah bahawa dasar dan visi parti politik tidak akan sampai ke pengetahuan para pengundi jika program parti tidak dijalankan dengan bersuktur, dan aktivis parti tidak memberi kerjasama dalam penganjuran program parti. Hujah mereka membuktikan wujudnya kaitan signifikan di antara penganjuran program parti yang berimpak, dan penyertaan aktivis parti yang komited bagi menggerakkan setiap program parti dalam menentukan kemenangan dan kekalahan sesebuah parti politik di dalam pilihanraya. Walau bagaimanapun, literatur tidak memberi kredit secara akademik akan peranan yang dimainkan oleh aktivis parti dalam mengerakkan program parti. Maka, kajian ini berhujah bahawa parti yang tidak aktif menganjurkan program di sesebuah lokaliti, dan tidak mempunyai aktivis parti yang bermotivasi dan komited akan gagal dalam pilihanraya. Kajian ini, menggunakan kajian kes Parti Islam se-Malaysia (PAS) Terengganu, berhasrat untuk meneroka bagaimana format dan bentuk program anjuran PAS yang berimpak dan bagaimana komitmen dan peranan aktivis PAS dalam menjayakan program tersebut sekaligus mampu membantu parti tersebut meraih kemenangan besar dalam Pilihanraya Umum (PRU) 2018 dan 2022.

SOROTAN LITERATUR

Aktivis parti merupakan aset yang sangat berharga bagi sesebuah parti politik, walaupun peranan dan sumbangan mereka seringkali dilupakan (Milliar, 2012). Scarrow (2006) mentafsirkan aktivis parti sebagai individu yang komited bekerja untuk parti dengan mengorbankan masa, tenaga, usaha dan wang ringgit demi melihat parti yang didukunginya diterima rakyat, relevan, memenangi pilihanraya dan membentuk kerajaan. Whiteley dan Seyd (2002) dan Whiteley (2009) mengingatkan bahawa tidak kira sehebat mana ideologi dan dasar sesebuah parti politik, ia tetap memerlukan barisan aktivis parti untuk menterjemah dasar dan hala tuju parti kepada pengundi. Dapatan Hamdan (2015) yang mengaitkan kekalahan teruk PAS Terengganu pada PRU 1978 adalah antaranya kerana aktivis parti telah hilang motivasi ekoran daripada kejayaan UMNO merampas Kelantan yang telah menjadi kubu kuat PAS selama hampir 20 tahun dalam Pilihanraya Negeri pada tahun yang sama.

Wan Abdul Rahman, (1986) turut menemui dapatan yang hampir sama iaitu antara punca utama prestasi terburuk PAS Terengganu pada tahun 1985 adalah kerana aktivis PAS yang komited tidak ramai ditambah pula dengan kelemahan struktur pembahagian tugas sesama aktivis parti. Ianya nyata berbeza dengan UMNO Terengganu yang mempunyai barisan aktivis parti yang tersusun, terancang dan lebih menyakinkan, sekaligus menjadi memberi persepsi positif kepada pengundi. Kenyataan ini juga dipersetujui oleh Presiden PAS, Haji Abdul Hadi Awang yang mengenang kembali kesulitan yang PAS hadapi pada tahun 80-an apabila parti itu ketandusan aktivis parti di peringkat akar umbi yang mahir dalam selok-belok pentadbiran, penganjuran program parti dan strategi pilihanraya (Temubual bersama Abdul Hadi Awang, 2017).

Kerangka Teori Aktivisme Parti Politik

Tugasan aktivis parti tidak terhad semasa musim pilihanraya sahaja, kerana kerja - kerja membujuk dan menarik minat pengundi adalah kerja berterusan dan tiada cuti. Aktivis parti juga merupakan wajah hadapan parti, manakala segala tindak-tanduk dan kata-kata mereka dalam masyarakat sering ditafsir sebagai pendirian parti (Seyd & Whiteley, 2004). Secara umumnya, aktivis parti tidak menerima apa – apa insentif material. Namun, peranan mereka berterusan kepada parti kerana menerima insentif dalam bentuk bukan material (Seyd & Whiteley, 2004; Whiteley & Seyd, 2002; Whiteley, 2009). Teori Insentif Umum (*The General Incentive model*) berhujah bahawa aktivis parti kekal komited kepada parti kerana menerima pemberian insentif proses terpilih (*selective process incentives*) dalam bentuk kepuasan bekerja untuk parti (Whiteley & Seyd, 2002).

Kepuasan ini terhasil apabila parti memberikan amanah kepada ahli untuk merancang dan menjalankan aktiviti parti seterusnya memastikan parti menang di kawasan tersebut. Kepercayaan pimpinan parti terhadap kebolehan ahli merekrut ahli baru, meraih undi, merangka program parti, menarik sokongan dan akhirnya memenangi pilihanraya akan menghasilkan rasa bertanggungjawab untuk melunaskan amanah tersebut sebaik mungkin. Mereka juga merasakan parti mengiktiraf kebolehan dan kepakaran mereka mengenai lokaliti dan budaya politik di kawasan tersebut.

Whiteley et al. (2006) menambah, rasa seronok berjumpa dan bekerja bersama dengan ahli parti yang lain yang memiliki persamaan dari segi ideologi, pemikiran, hala tuju, laras bahasa dan persepsi turut menjadi tarikan kepada aktivis parti untuk memainkan peranan berterusan. Selain daripada itu, peluang bertemu dengan pimpinan parti, menghadiri mesyuarat dan perbincangan sulit parti, menjadi delegasi dan peluang bertemu orang ramai dari pelbagai lapisan akan meningkatkan rasa bangga dan percaya diri pada ahli parti sekaligus mengikat mereka untuk lebih komited kepada parti. Sekalipun tidak menerima upah dalam bentuk material, insentif berbentuk bukan material ini telah mengikat mereka untuk terus berada dalam saf parti.

Memahami Budaya Politik Terengganu

Dalam konteks politik Terengganu, kekuatan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) berbanding dengan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) sebelum PRU 2018 adalah hampir setara bilamana keduanya mencatat peratusan undi popular hampir seimbang dikebanyakan pilihanraya. Keputusan pilihanraya di Terengganu bergantung kepada pengundi atas pagar. Ini sekaligus menjadikan tren pengundian di Terengganu paling sukar untuk diramal berbanding dengan negeri – negeri Melayu yang lain seperti Kedah dan Kelantan (Shaharuddin & Mujibu, 2013). PAS, sebagai contoh, dijangka berpeluang menang di Terengganu pada PRU2008 berikutan mood rakyat yang sangat cenderung kepada pembangkang, namun Terengganu kekal utuh di bawah UMNO.

Pada PRU2018, PAS memenangi 22 daripada 32 kerusi di Dewan Undangan Negeri (DUN) walaupun penganalisis politik membuat jangkaan yang berbeza. PRU2022 pula menyaksikan ayunan pengundi di Terengganu kepada PAS bersifat hampir pukal apabila PAS menyapu bersih kesemua kerusi Parlimen dan kerusi DUN. Kemenangan bergaya dengan 70 peratus undi popular pada dua penggal berturut-turut menjadikan Terengganu kini sebagai kubu kuat PAS. Walaupun pemerhati politik melihat situasi politik nasional, sentimen Melayu-Islam, kelemahan prestasi Kerajaan Pakatan Harapan 1.0 dan kemaraan pengundi muda sebagai faktor utama kemenangan besar PAS, faktor dalaman iaitu program parti yang berimpak dan berterusan serta komitmen tidak belah bagi aktivis PAS memainkan peranan sama penting.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Bagi menjawab persoalan kajian mengenai bentuk dan format program PAS Terengganu, dan peranan yang dimainkan oleh aktivis PAS Terengganu, kajian kualitatif ini telah menggunakan kaedah temubual bersemuka secara mendalam bersama enam belas aktivis PAS di Terengganu. Informan telah dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan, manakala data telah dianalisa mengikut tema melalui teknik analisis kandungan. Temubual telah dijalankan bermula Julai sehingga November 2022. Pengkaji telah menjalankan carian informan melalui laman Facebook rasmi PAS iaitu 'PAS Terengganu' dan menghantar pesanan secara peribadi kepada calon informan yang aktif memberi komen, tanda suka dan menghantar semula (*repost*) pada setiap hantaran, gambar dan video di Facebook rasmi tersebut. Teknik ini ternyata lebih praktikal dan mampu membuat capaian seramai mungkin calon informan. Sebanyak 36 pesanan telah dihantar kepada calon informan, dan 25 orang telah memberi maklum balas.

Daripada 25 respons, hanya 16 orang yang memenuhi ciri – ciri aktivis parti seperti yang dinyatakan oleh Marsh, (1990). Informan terdiri daripada 9 orang aktivis PAS lelaki dan 7 orang aktivis PAS Perempuan yang berusia dalam lingkungan 23 – 72 tahun. Jadual 1 menunjukkan profil informan yang terlibat.

Jadual 1: Profil Informan

NO.	JANTINA	UMUR	JAWATAN DALAM PARTI	PEKERJAAN	LOKALITI
1	Perempuan	37	Ketua Muslimat DUN	Pekedai Runcit	Besut
2	Perempuan	55	Ketua Muslimat Cawangan	Pegawai Pusat Khidmat	Hulu Terengganu
3	Lelaki	23	Tiada	Mahasiswa IPTA	Kuala Nerus
4	Perempuan	27	Setiausaha Ameerah	Pasca Siswazah	Kuala Terengganu
5	Perempuan	25	Setiausaha Ameerah	Surirumah	Hulu Terengganu
6	Lelaki	52	Tiada	Kakitangan Awam	Kuala Nerus
7	Lelaki	45	AJK Cawangan	Sendiri	Kuala Terengganu
8	Perempuan	48	Naqibah	Peniaga Atas Talian	Kuala Terengganu
9	Perempuan	62	Bekas Ketua Muslimat Cawangan	Pesara Guru	Setiu
10	Lelaki	53	Ketua Cawangan	Pengerusi MPKK	Setiu
11	Lelaki	46	Tiada	Peniaga	Marang
12	Lelaki	29	Setiausaha Pemuda	Guru	Setiu
13	Perempuan	32	Penerangan DUN	Staf Pusat Khidmat	Marang
14	Lelaki	43	Tiada	Kakitangan Awam	Kemaman
15	Lelaki	39	Ketua Cawangan	Peniaga	Besut
16	Lelaki	51	Penerangan	Sendiri	Kuala Nerus

Instrumen Kajian

Sesi temubual bersemuka telah menggunakan panduan temubual yang disediakan terlebih dahulu bagi memastikan semua perkara penting ditanya. Panduan temubual telah disediakan berdasarkan adaptasi daripada panduan temubual daripada kajian – kajian mengenai penyertaan politik daripada Cammett, (2011); Ribeiro, (2014) dan Weber, (2016). Sebuah temubual rintis telah diadakan terlebih dahulu dengan seorang aktivis parti untuk memastikan para informan memahami kehendak soalan dan laras bahasa temubual, selain untuk membiasakan penyelidik dengan sesi temubual sebenar. Berikut adalah antara soalan temubual yang telah ditanya kepada para informan:

- i. Aktiviti yang berkaitan parti secara harian, mingguan dan bulanan yang dianjurkan atau disertai oleh informan.
- ii. Peranan informan dalam aktiviti parti dan bagaimana penerimaan informan terhadap peranan tersebut.
- iii. Pandangan informan mengenai program atau aktiviti parti yang paling mudah meraih undi.
- iv. Perasaan informan melibatkan diri dan menganjurkan aktiviti atau program parti.

Sesi temubual telah dirakam dengan persetujuan para informan. Kesemua informan memohon untuk tidak menggunakan nama sebenar, namun ini tidak menyalahi etika kajian kualitatif kerana Saunders et al. (2015) telah menyatakan bahawa maklumat peribadi informan seperti nama, maklumat tempat tinggal dan organisasi serta latarbelakang mereka dibenarkan untuk ditukar ke status bukan nama sebenar.

Analisis Data

Bagi tujuan memastikan proses analisa data berjalan dengan bersistematik dan tidak memihak, data mentah telah di analisa mengikut enam langkah yang dicadangkan oleh Ritchie et al. (2003). Langkah pertama adalah memindahkan rakaman temubual kepada bentuk bertulis. Pencarian tema dan sub-tema dilakukan ke atas transkrip 72 muka surat secara manual. Kesemua tema yang ditemui di beri label berdasarkan sebelas bentuk program parti yang senaraikan oleh Marsh (1990) dan tiga komponen program parti berintensiti tinggi yang dikumpulkan oleh Whiteley & Seyd (2002). Tema dan sub-tema itu kemudiannya dihapuskan atau digabungkan sekiranya mereka memiliki ciri yang sama. Langkah paling sukar adalah memahami konteks tema secara fundamental dan memadankannya dengan perbincangan aktivisme politik. Langkah seterusnya adalah penetapan tema akhir, sama ada senada dengan kajian lepas atau terdapat penemuan baharu. Ianya diikuti dengan proses mentafsir data dalam setiap tema, membuat inferens, memadankan setiap dapatan di antara informan serta membuat interpretasi secara kontekstual. Langkah terakhir adalah proses pelaporan dapatan akhir dan analisa lengkap kajian.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian mendapati terdapat dua tema dan lima sub-tema bagi menjawab objektif pertama kajian iaitu bentuk program parti yang paling berhasil meraih undi dan mengekalkan sokongan dari pengamatan aktivis parti.

Program Kebajikan Dan Kemasyarakatan

Program kebajikan dan kemasyarakatan menjadi program parti paling berimpak besar serta mampu menjadi faktor utama untuk meraih undi, apatah lagi di negeri Terengganu yang sifat politiknya masih bergantung kuat dengan bantuan dan pertolongan parti pemerintah. Pengundi menaruh harapan tinggi bahawa kesukaran yang

mereka hadapi dapat diselesaikan dengan berkesan dan segera oleh wakil parti. Maka, parti politik yang mampu berada di barisan hadapan ketika pengundi berhadapan masalah akan lebih mudah mendapat sokongan ekoran daripada reputasi baik yang mereka tunjukkan. Aktivis PAS sangat memahami rasa hutang budi pengundi kepada parti yang sentiasa tampil dan ada bersama mereka tanpa perlu dihubungi terlebih dahulu atau melalui proses birokrasi yang renyah (Junaidi, 2017; Malike et al., 2013). Jadual 2 menunjukkan bentuk dan format program PAS yang paling berimpak iaitu program kebajikan dan kemasyarakatan.

Jadual 2: Tema dan sub-tema program parti paling berkesan meraih undi (Program kebajikan dan kemasyarakatan)

TEMA UTAMA	SUB-TEMA	FREKUENSI	PROGRAM
PROGRAM KEBAJIKAN DAN KEMASYARAKATAN	Program Parti Berjadual	Harian	● Lawatan rumah ke rumah mengikut UPU ● Menghantar pesakit ke hospital ● Sumbangan makanan tengahari dan malam ● Pemeriksaan perubatan percuma mengikut UPU ● Pusat Khidmat Masyarakat beroperasi setiap hari
		Mingguan	● Majlis bacaan Yasin ● Mesyuarat bersama Ketua Kampung bagi mengemaskini masalah penduduk ● Kelas jahitan dan memasak di setiap DUN ● Lawatan mingguan ADUN ke pasar awam
		Bulanan	● Hari Sukan, pesta dan karnival ● Perjumpaan bulanan ADUN bersama masyarakat
		Bermusim	● Sambutan perayaan, maulid Nabi dan kacau bubur asyura pada bulan Muharram ● Majlis penyampaian bantuan (bantuan raya, masuk sekolah, STR) ● Program komuniti anjuran jabatan kerajaan ● Khatan Perdana ● Petrol Percuma
	Program Parti Mengejut		● Bencana alam (banjir, ribut, tanah runtuh) ● Kebakaran

- Kematian
- Isu – isu tular di media sosial

PAS Terengganu selaku parti pemerintah mendominasi kerja kebajikan dan kemasyarakatan berbanding parti lain kerana mereka mempunyai dana yang besar daripada peruntukan wakil rakyat, aktivis akar umbi yang lebih ramai, akses kepada jabatan dan agensi kerajaan, dan sumber yang banyak dari sumber Tabung Darul Iman, anak syarikat kerajaan Negeri seperti Golden Pharoah dan Terengganu Inc. serta syarikat korporat seperti Bank Rakyat dan Petronas. Program ini dibahagikan kepada program parti berjadual dan program parti mengejut. Program parti berjadual termasuklah lawatan harian ke rumah terpilih mengikut lokaliti Unit Peti Undi (UPU) sekaligus memastikan semua UPU telah dilawati dalam tempoh 5 tahun. PAS Terengganu mempunyai 1,058 UPU yang bersamaan dengan 1,058 buah kampung. Ketua kampung atau ketua cawangan parti akan menyenaraikan rumah yang terpilih terlebih dahulu, dan rumah yang dihuni golongan rentan menjadi pilihan aktivis parti untuk tujuan ziarah. Ziarah ini turut disertai pegawai perubatan bagi melakukan pemeriksaan kesihatan asas dan membawa bersama bantuan wang saku dan bakul makanan.

Selain daripada ziarah, informan berkongsi aktiviti rutin mereka adalah mengambil dan menghantar pesakit ke temujanji hospital bagi yang tiada kemudahan kenderaan menggunakan kenderaan milik Pusat Khidmat ADUN, menghantar jenazah ke tanah perkuburan dan mengagihkan makanan tengahari secara percuma (terhad kepada 250 bungkus sehari). Pusat Khidmat Masyarakat pula dibuka dari jam 8 pagi hingga 5 petang bagi tujuan permohonan, penghantaran borang, mendapatkan tandatangan ADUN dan bekalan makanan asas seperti Maggi, telur, sardin dan beras di gerobok rezeki.

Informan 1: Rutin harian team kami biasanya pagi ziarah dengan doctor, tapi tak semua rumah lah. Tengahari, kita agihkan makanan tengahari pada cleaner, pemandu lori, orang tua yang tinggal sorang diri, guard..dekat pusat khidmat pun tak putus orang datang, ada kerani jaga di situ, biasanya minta tolong bayar bil, minta bantuan kilat, ambil beras.

PAS juga aktif menganjurkan program usrah dan bacaan Yasin pada setiap hari Jumaat melibatkan 20 – 30 kaum wanita. Ianya diadakan secara bergilir – gilir di rumah penduduk yang diakhiri dengan minum petang. *Naqibah* (pentazkirah) merupakan ustazah lantikan dari Akademi DU'AT, sebuah akademi milik Kerajaan Negeri yang mengumpul semua pendakwah. PAS juga aktif menganjurkan program mesra anak muda secara bulanan di peringkat cawangan seperti konvoi motorsikal dengan kerjasama Alternative Riding Club (ARC), berbasikal, sukaneka, memancing dan pengisian minyak motosikal percuma. Informan juga mengatakan mereka mengiringi pimpinan parti melawat pasar awam dan pasar minggu bagi tujuan bertemu mata dengan penduduk, sekaligus memastikan kesemua pasar awam dan pasar minggu di kawasan Parlimen dilawati dalam tempoh 5 tahun.

Penganjuran karnival termasuk gerai jualan, persembahan pentas dan pertandingan turut diadakan secara berkala di peringkat kawasan Parlimen dan DUN sehingga ada lelucon mengatakan Terengganu Darul Karnival. Aktivis parti mengambil kesempatan melalui kedatangan orang ramai ke karnival dengan mempamerkan kejayaan kerajaan negeri, sepertimana yang dilakukan di Karnival Terengganu Maju Berkat Sejahtera (TMBS). PAS juga tidak melupakan karnival berasaskan parti seperti Himpunan Pemuda Islam Terengganu (HIMPIT) serta FASTAQIM 2.0 di Rusila dan Kubang Lembek. Kemuncak acara karnival adalah ceramah mega pada malam terakhir yang disampaikan oleh orator tersohor PAS seperti Ustaz Dusuki Rani dan Ustaz Azhar Idrus.

Program bermusim di peringkat DUN seperti rumah terbuka hari perayaan, hari kebesaran Islam, bersunat, kem solat dan memotong rambut percuma sempena pembukaan sekolah turut menjadi sebahagian daripada program parti berimpak yang mampu menonjolkan kewujudan parti politik di mata pengundi. Informan berkongsi:

Informan 2: Kita memang pastikan hari – hari istimewa kita buat program, dan biasanya penduduk setempat memang ternanti – nanti program ni, macam bersunat percuma, kacau bubur asyura, berarak hari merdeka, potong rambut masa sekolah nak buka, ibadah kem cuti sekolah, masak iftar ramai – ramai..memang seronok sebab masa ni memang ramai datang, boleh kenal ramai pengundi lah.

Pada waktu bencana seperti banjir, kebakaran dan kematian, informan mengatakan mereka akan memastikan untuk menjadi yang pertama tiba di tempat kejadian bagi menunjukkan komitmen PAS membantu pengundi pada waktu sukar. Unit Amal, sebuah badan beruniform berteraskan kebajikan dan kesukarelawan milik PAS, sering menjadi yang pertama sampai di lapangan, sekaligus membawa imej baik kepada PAS sebagai sebuah parti yang meletakkan kesusahan rakyat sebagai keutamaan.

Informan 6: Saya ketua Unit Amal Kawasan Hulu, kita dah dilatih untuk sentiasa bersiap sedia, dapat tahu saja ada bencana rebut ke, banjir ke, memang ahli kita sudah tahu apa patut dibuat. Tak kira siang malam, memang kita akan sampai. Tapi saya buat ni bukan sebab undi ke apa, memang jiwa untuk tolong orang tu, memang saya suka, saya tak berkira.

Persaingan di antara PAS dan parti-parti lain di Terengganu melalui kerja- kerja kebajikan ternyata memberi manfaat kepada pengundi. Parti politik menerima undi dari rakyat, dan rakyat pula menerima pelbagai bentuk bantuan dari parti politik, sehingga sesetengah dari mereka menerima bantuan berlebihan dari segenap penjur. Hamayotsu, (2015) dan Malike et al., (2013) menyifatkan kerja – kerja kebajikan dan khidmat sosial ini bukan rasuah politik malah mampu merapatkan hubungan parti dengan pengundi secara, seterusnya mengikat pengundi untuk terus setia kepada parti. Namun Karim, (2001) dan Scott, (1986) berbeza pandangan kerana kemungkinan parti politik tidak ikhlas membantu rakyat kerana mereka mempunyai matlamat lain dan sekadar mengeksploitasi pengundi sekaligus menafikan kebebasan memilih dalam pilihanraya. Hujah ini ditolak oleh Hamayotsu, (2015) dengan menyatakan tidak timbul isu eksploitasi dan paksaan kerana undi adalah rahsia di samping permasalahan rakyat dapat dibantu hasil daripada kerja – kerja kebajikan yang ditawarkan oleh PAS.

PAS memfokuskan kepada aktiviti berunsurkan agama yang sangat dekat dengan jiwa pengundi Melayu –Islam. Aktivis PAS mendapat reputasi yang baik di mata pengundi dalam hal berkaitan fardhu kifayah seperti pengurusan dan solat jenazah, pengendalian sembelihan korban, bacaan doa selamat dan tahlil dan pengurusan tabung khairat kematian. Terdapat ungkapan terkenal dalam kalangan penduduk Terengganu iaitu “jika ada masalah akhirat, cari PAS”, sekaligus menjelaskan reputasi positif pengundi mengenai aktivis PAS.

Kerja Pilihanraya

Objektif utama penubuhan parti politik adalah untuk memenangi pilihanraya. Dalam hierarki parti, aktivis parti di peringkat akar umbi merupakan tulang belakang parti kerana mereka sangat mahir dengan budaya politik setempat dan mengenali hampir kesemua pengundi di kawasan tersebut. Dapatan kajian mendapati gerak kerja

pilihanraya yang kemas dan tersusun mampu menjadi faktor kepada sokongan pengundi kepada sesebuah parti. Tema ini telah dibahagikan kepada tiga sub-tema iaitu gerak kerja sebelum pilihanraya, semasa tempoh berkempen dan hari pilihanraya. Jadual 3 menunjukkan kerja pilihanraya secara intensif bermula setahun sebelum pembubaran Parlimen, manakala tempoh empat tahun sebelum pilihanraya telah difokuskan kepada kerja kebajikan dan khidmat masyarakat. Setahun sebelum Pilihanraya Umum, kerja kebajikan di lipatgandakan dengan memfokuskan kepada lawatan orang sakit, memenuhi jemputan kenduri dan ramah mesra dengan pengundi melalui program – program berskala kecil. Selaku parti pemerintah, PAS mendapat kelebihan apabila bantuan kewangan, rumah mampu milik, dana khas daripada kerajaan diserahkan oleh aktivis parti di majlis anjuran parti, sekaligus meninggalkan persepsi positif dalam kalangan penerima bantuan.

Jadual 3: Tema dan sub-tema program parti paling berkesan meraih undi (Kerja-kerja pilihanraya)

TEMA UTAMA	FREKUENSI	PROGRAM
KERJA PILIHANRAYA	Sebelum Pilihanraya	• Culaan undi • Simulasi Pilihanraya • Pendaftaran Pengundi • Pemindahan Lokaliti
	Tempoh Berkempen	• Kempen rumah ke rumah • Temu mata • Penamaan Calon • Pertemuan dalam kumpulan kecil • Ceramah kelompok • Kehadiran tokoh besar parti
	Hari Pilihanraya	• Mengambil dan menghantar pengundi

Dalam tempoh ini juga, aktivis parti mula melakukan proses culaan undi bagi mengemaskini data pengundian. Proses ini adalah kritikal kerana prediksi peratusan peluang untuk menang pilihanraya adalah bergantung kepada data culaan yang meliputi maklumat pengundi luar, atas pagar, condong UMNO dan condong PAS. Data lain juga termasuk latar belakang pendidikan, pekerjaan, status pengundi luar atau lokal dan status penerima bantuan kebajikan. Oleh kerana aktivis parti sangat mahir dengan budaya politik setempat, mereka mampu mengenalpasti kecenderungan politik setiap isi rumah di kawasan mereka. Simulasi pilihanraya juga dilakukan sehari suntuk untuk mengenalpasti pengundi yang berpaling wadai, pengundi baharu, isu – isu setempat yang menjadi bualan masyarakat serta kekuatan dan kelemahan parti di mata masyarakat.

Status kecenderungan pengundi baharu perlu dikenalpasti, dan daftar pemilih juga turut disemak secara terperinci bagi mengenalpasti nama – nama bertindih dan meragukan. Nama – nama ini akan dibawa ke proses bantahan di Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) dan setiap bantahan bernilai RM10. Hari simulasi berlangsung seperti sebuah pesta mini, apabila semua aktivis turun ke lapangan bekerja sebagai sebuah kumpulan. Dapatan daripada culaan dan simulasi pilihanraya akan dibawa ke pemukiman peringkat negeri sekaligus membantu pimpinan memikirkan calon yang sesuai dengan ‘uruf dan budaya politik di kawasan tersebut. Tempoh kritikal berkempen sekitar 9 hingga 11 hari dimanfaatkan sepenuhnya oleh aktivis PAS untuk meraih undi dengan tumpuan utama

diberi kepada pengundi atas pagar. Sarjana budaya politik seperti Case, (2001) dan Fisher, Fieldhouse, & Cutts, (2014) mengenalpasti 8 elemen kempen pilihanraya berintensiti tinggi termasuklah persediaan awal, pengurusan sumber, pengurusan jentera, pengurusan acara, bahan kempen, rayuan undi dan kempen di media sosial. Informan melihat tempoh berkempen sebagai pesta demokrasi yang menguji kemampuan mereka menarik sokongan pengundi. Mereka berkongsi pengorbanan mereka yang tidak pulang ke rumah disepanjang tempoh kempen kerana berkampung di markaz parti, bermesyuarat sehingga larut malam, bertikam lidah serta mengemaskini data culaan di bilik gerakan. Pada waktu siang aktivis parti akan mengiringi calon melakukan lawatan ringkas rumah ke rumah, temu mata di masjid dan kedai kopi, pasar pagi dan pada waktu malam, menguruskan aktiviti ceramah secara berkelompok. Informan bercerita:

Informan 7: Masa kempen ni kemuncak kerja parti lah. Masa 9 10 hari ni kena guna betul-betul. Saya memang tak balik rumah lah, makan tidur di bilik gerakan. Tapi kita buat kerja kita suka, macam pesta pun ada. Letih tapi kita suka. Buat kerja sama – sama kawan – kawan, banyak idea dapat, semua tak berkira.

Pada hari pilihanraya yang mana sebarang aktiviti kempen tidak dibenarkan, para aktivis parti masih mengambil kesempatan untuk merayu undi pada saat – saat akhir sebelum pengundi memasuki kawasan mengundi. Mereka menyediakan perkhidmatan pengangkutan bagi mengambil dan menghantar pengundi ke pusat pengundian, dan pengundi dibekalkan dengan makanan ringan. Ini bertujuan untuk memastikan kadar keluar mengundi tinggi dan peluang berada di dalam kenderaan digunakan sebaik mungkin untuk membuat rayuan terakhir. Bangsal panas yang dibina pada jarak 50 meter daripada pusat pengundian menjadi stesen terakhir untuk aktivis PAS merayu undi apabila pengundi singgah untuk menyemak nama dan saluran mengundi mereka. Bagi warga emas dan kelainan upaya, aktivis parti akan membantu mereka bergerak dengan selesa ke pusat pengundian. Informan mendedahkan:

Informan 5: Masa kita pimpin orang tua atau OKU, kita sempat lagi merayu undi, sempat lagi pesan undi PAS, undi bulan, kita gosok – gosok bahu, mana tahu sangkut.

Pemandangan biasa pada hari pilihanraya bila mana aktivis parti berkumpul di tepi jalan berhadapan dengan pusat pengundian melaungkan nama parti masing – masing sambil memegang bendera dan poster calon. Antara ungkapan terkenal pada hari pilihanraya di Terengganu ‘keluar Barisan, masuk Bulatan’. Perkataan Barisan merujuk kepada Barisan Nasional/UMNO, manakala perkataan Bulatan pula merujuk kepada PAS kerana simbol PAS adalah Bulan).

KESIMPULAN

Literatur secara asasnya melihat kejayaan PAS Terengganu adalah kerana faktor manifesto yang dekat dengan tema Melayu-Islam, isu – isu nasional dan local, kewibawaan calon dan prestasi parti. Terdapat lompong pada literatur dalam menyoroti format program parti yang berimpak dan sumbangan aktivis PAS yang menjayakan kesemua program tersebut. Dapatan kajian ini mendapati kombinasi aktivis yang komited dan bermotivasi tinggi, dan program kebajikan dan kemasyarakatan serta kerja – kerja pilihanraya yang tersusun adalah formula terbaik PAS memenangi pilihanraya di negeri Terengganu.

Menyoroti semula situasi politik Terengganu sebelum PRU2018, PAS selaku pembangkang ketika itu mempunyai barisan aktivis parti yang komited bekerja dan kerap turun menyantuni masyarakat namun kekurangan sumber kewangan manakala UMNO pula selaku parti pemerintah mempunyai dana yang selesa, barisan aktivis yang ramai, akses kepada agensi kerajaan namun lemah dalam menyantuni permasalahan rakyat. PAS Terengganu jelas memahami formula yang menggabungkan kerja-kerja kebajikan dan kemasyarakatan oleh aktivis parti berjalan secara berkala dan berstruktur serta gerak kerja pilihanraya berstrategi dipandu oleh aktivis parti yang memahami budaya lokal.

PENGHARGAAN

Kajian ini didanai oleh Universiti Sultan Zainal Abidin menerusi Kajian Pengukuhan Projek Ilmiah Tahun Akhir (UniSZA/2024/PSU-TDA/08).

RUJUKAN

- Awang, A. H. (2017). Temubual bersama Presiden PAS di Masjid Rusila, Marang. Temubual pada 13 November 2017.
- Blake, D. E., Carty, R. K., & Erickson, L. (1991). *Grassroots politicians: Party activists in British Columbia*. UBC Press.
- Case, W. (2001). Malaysia's General Elections in 1999: A consolidated and high-quality semi-democracy. *Asian Studies Review*, 25(1).
- Cross, W. (2016). The importance of local party activity in understanding Canadian politics: Winning from the ground up in the 2015 Federal Election. *Canadian Journal of Political Science*, 49(4).
- Fisher, J., Fieldhouse, E., & Cutts, D. (2014). Members are not the only fruit: Volunteer Activity in British political parties at the 2010 General Election. *British Journal of Politics and International Relations*, 16(1).
- Hamayotsu, K. (2015). Patronage, welfare provisions, and state–society relations: Lessons from Muslim-dominant regimes in Southeast Asia (Indonesia and Malaysia). In Fountain P., Feener M. (Eds.), *Religion and the politics of development* (pp. 155–176). National University of Singapore.
- Hamdan, A. (2015). *Pilihan Raya Umum Terengganu 1955-2013* (1st ed.). Penerbit UMT.
- Junaidi, A. B. (2017). Trend pengundian dalam Pilihanraya Umum Malaysia ke-13. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(2).
- Karim, L. (2001). Politics of the poor? NGOs and grassroots political mobilization in Bangladesh. *PoLAR: Political and Legal Anthropology Review*, 24(1).
- Liow, J. C. (2011). Creating cadres: Mobilization, activism and the Youth Wing of the Pan-Malaysian Islamic Party, PAS. *Pacific Affairs*, 84(4).

- Malike, B., Mohd, F. S., & Musliza, M. (2013). Peranan wakil rakyat dalam parti politik: Isu dan cabaran. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 40, 91–115.
- Marsh, A. (1990). *Political action in Europe and the USA* (1st ed.). The MacMillan Press.
- Milliar, G. M. (2012). Political party activism in Ghana: Factors influencing the decision of the politically active to join a political party. *Democratization*, 19(4).
- Ritchie, J., Spencer, L., & O'Connor, W. (2003). Carrying out qualitative analysis. In Jane R. & Lewis J. (Eds.), *Qualitative Research Practice: A Guide for Social Science Students and Researchers* (pp. 219–262). Sage Publications.
- Saunders, B., Kitzinger, J., & Kitzinger, C. (2015). Anonymising interview data: Challenges and compromise in practice. *Qualitative Research*, 15(5).
- Scott, J. (1986). Everyday forms of peasant resistance. In Scott J. & Kerk B. T. (Eds.), *Everyday forms of peasant resistance in South-East Asia* (pp. 5–35). Frank Cass and Company.
- Seyd, P., & Whiteley, P. (2004). British party members: An overview. *Party Politics*, 10(4), 355–366.
- Scarrow, S. E. (2006). *The changing nature of political party membership*. Oxford Research Encyclopaedia of Politics: Oxford Press.
- Shaharuddin, B., & Mujibu, M. (2013). Aksi politik berlatarbelakangkan Melayu-Islam dalam Pilihan Raya Umum ke-13 di Dungun, Terengganu. *Malaysian Journal of Democracy and Election Studies*, 2(1).
- Wan Abdul Rahman W.A.L. (1986). Pilihanraya Umum 1986: Satu kajian kes di Terengganu. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 15–26.
- Whiteley P., & Seyd, P. (2002). *High-intensity participation: The dynamics of party activism in Britain* (4th ed.). The University of Michigan Press.
- Whiteley, P., Seyd, P., & Billinghamurst, A. (2006). *Third force politics: Liberal Democrats at the grassroots* (1st ed). Oxford University Press.